

RM440,000 lesap angkara pelaburan jual beli emas

Kuala Lumpur: Polis menerima 15 laporan dan membuka tiga kertas siasatan terhadap satu sindiket penipuan pelaburan jual beli emas dikenali Gold Trading Investment yang mengakibatkan kerugian lebih RM440,000.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob, berkata sindiket dida-langi seorang wanita dikenali

Arma Nazirah Abdul Manaf di-kesan aktif sejak Jun 2019 hingga Ogos lalu.

"Suspek memperdayakan mangsa dengan menawarkan peluang pelaburan dalam jual beli emas dengan menjanjikan pulangan pelaburan antara 30 hingga 70 peratus.

"Wanita itu sendiri akan ber-jumpa dan meyakinkan mangsa untuk melabur selain mempunyai ejen untuk mempromosikan

pelaburan," katanya dalam ke-nyataan, semalam.

Katanya, mangsa akan di-minta membuat pembayaran ke dalam akaun bank yang diberikan dan siasatan polis mendapati satu daripada akaun bank digunakan adalah mi-lik suspek, manakala dua lagi

menggunakan akaun milik Zeti Amira Abdul Rani dan Mazila Misngat.

"Sebanyak 15 laporan polis di-

terima dan tiga kertas siasatan sudah dibuka berkaitan pelabu-ran emas ini yang membabitkan kerugian keseluruhan bernilai RM440,771.

"Pada 2 Mac lalu, suspek utama (Arma Nazirah) sudah dituduh di Mahkamah Sesyen Kajang dan kes masih dalam per-bicaraan manakala dua kes lagi membabitkannya masih dalam siasatan," katanya.

Orang ramai dinasihatkan

agar tidak mudah percaya den-gan pelaburan tanpa sebarang dokumen sokongan, kenyataan dan menjanjikan pulangan lu-mayan.

Sebelum membuat sebarang pelaburan, orang ramai dimin-ta menyemak dan mendapatkan maklumat lanjut terlebih dahulu daripada sumber rasmi seperti Semak Mule dan 'alert list' yang dikeluarkan oleh Bank Negara serta Suruhanjaya Sekuriti.